

**TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP GRADUAN IPT SERTA
HUBUNGANNYA DENGAN MINAT TERHADAP SEJARAH:
USAHA AWAL MEMUPUK SEMANGAT CINTA NEGARA**

¹**Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki
Yusuff**

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia
Kelantan

¹wanie0513@gmail.com

ABSTRAK

Pengembangan ilmu sejarah bermula dengan langkah penerimaan awal iaitu minat dan cakna. Usaha rintis ini bertujuan untuk mendedahkan tahap minat graduan institusi pengajian tinggi terhadap ilmu sejarah. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang merangkumi empat komponen: tahap pengetahuan, sikap, dan minat serta hubungan antara minat dengan tahap pengetahuan dan sikap. Seramai 39 orang pelajar pascasiswazah yang mendaftar di UMK telah dijadikan sampel kajian. Dapatan awal mendapati tahap pengetahuan, sikap, dan minat graduan IPT terhadap sejarah adalah rendah dan sederhana. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan graduan IPT dengan minat terhadap Sejarah namun terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan minat. Justeru, kajian terperinci dan komprehensif perlu dianjakkan ke arah kelestarian hidup bernegara.

Kata Kunci: Minat, sikap, pengetahuan, sejarah, graduan

PENGENALAN

Sejarah bukanlah sesuatu yang hanya membincangkan masa lalu yang padat dengan fakta-fakta sejarah tetapi sebagai pemangkin kepada pembangunan diri manusia. Collingwood (1966) dalam Ahamad Rahim (2012) menyatakan bahawa seseorang itu tertarik pada masa lalu kerana kehidupan yang pernah dilaluinya membawa makna dalam hidupnya. Melalui sejarah kepentingan sesuatu peristiwa, sebab dan akibat akan dapat diketahui. Oleh yang demikian, minat dan sikap memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sesuatu pencapaian termasuklah dalam mempelajari sejarah. Pembelajaran mengenai sejarah perlu dititikberatkan semasa di bangku sekolah lagi. Hal ini kerana pelbagai kebaikan yang wujud dalam mengetahui mengenai sejarah. Crabtree (1989) dan Zainal Abidin (1985) (dalam Ahamad Rahim, 2012) mengatakan bahawa antara kebaikan mempelajari sejarah adalah pelajar akan dapat memahami bahawa sejarah adalah pengajian yang berterusan serta berubah dan masalah yang berlaku dapat diselesaikan melalui pandangan sejarah lepas. Selain itu, pelbagai iktibar dapat diambil melalui peristiwa sejarah yang akhirnya akan membawa kepada kemajuan negara.

Pernyataan Masalah

Dari segi pengertian umum, sejarah merupakan semua perlakuan manusia yang benar-benar berlaku pada masa lalu (Rupawan Ahmad, 1990). Sejarah dan masyarakat merupakan dua elemen yang penting dan saling berkait antara satu sama lain. Mempelajari sejarah adalah penting kerana sejarah mempunyai kaitan yang rapat dengan tindak-tanduk manusia. Melalui sejarah, keperibadian yang terpuji dapat dibentuk daripada iktibar yang diambil daripada tokoh-tokoh terdahulu. Selain itu, sejarah merupakan bidang ilmu yang pelbagai kerana terkandung di dalamnya bidang ilmu lain seperti geografi, agama, kesusasteraan atau seni (Siti Zainun, 1990). Bagi menjamin kelangsungan bangsa dan kemajuan negara pada masa akan datang, pemahaman generasi muda tentang kepelbagaian budaya dan integrasi nasional sejak di bangku persekolahan lagi amatlah penting (Ahmad Ali Seman, 2011).

Generasi muda pada masa ini buta sejarah, tidak minat mengingati peristiwa lalu, tidak peduli soal kenegaraan, mengambil mudah patriotisme dan tidak menghayati sejarah (Utusan Malaysia, 29 Oktober 2010). Kajian Nor Azlah Sham Rambely (2006) pula menyatakan bahawa keputusan sejarah dalam Sijil Pelajaran Malaysia mempengaruhi pelajar dalam

memahami kursus kenegaraan Malaysia di institusi pengajian tinggi. Tahap pengetahuan sedia ada yang cemerlang membantu memudahkan pelajar dalam pemahaman kursus kenegaraan. Tambahan lagi, mempelajari sejarah adalah penting dalam memupuk patriotisme. Totten (1988) dalam Nazri Muslim dan Jamsari Alias (2004) menyatakan bahawa semua ahli dalam kumpulan, keluarga, dan bangsa akan dapat berfungsi dengan baik dengan adanya semangat cintakan negara (Nazri Muslim & Jamsari Alias, 2004). Oleh itu, sikap dan minat terhadap sejarah perlu ada dalam diri setiap insan.

Objektif Kajian

- i. menentukan tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah mengenai sejarah Malaysia;
- ii. menentukan tahap sikap pelajar pascasiswazah terhadap sejarah;
- iii. menentukan tahap minat pelajar pascasiswazah terhadap sejarah;
- iv. mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan dengan minat terhadap sejarah;
- v. mengenal pasti hubungan antara sikap dengan minat terhadap sejarah.

LITERATUR KAJIAN

Dalam memelihara dan memupuk semangat cintakan negara, lawatan ke tempat bersejarah mampu membentuk individu yang seimbang dan harmonis. Melalui lawatan ke tempat bersejarah pelajar akan dapat berinteraksi dengan alam sekitar dan sumber tempat lawatan malah membina sosialisasi bersama rakan dan kurator. Lawatan ke tempat bersejarah juga akan menyebabkan emosi pelajar menjadi tenang kerana tidak lagi berada dalam lingkungan sekolah yang formal. Pelajar juga akan dapat mendekatkan diri dengan sumber yang dilihat seperti sumbangan daripada tokoh-tokoh negara dalam mempertahankan negara. Kaedah lawatan ke tempat bersejarah ini seterusnya akan menyebabkan pelajar tertarik dengan fakta-fakta sejarah dan minat kepada sejarah (Mohamad Johdi Salleh & Ariegusrini Agus, 2009). Muzium merupakan salah satu tempat yang boleh dijadikan tempat lawatan. Pengunjung yang berkunjung ke muzium akan melalui proses pendidikan dengan menyertai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak muzium (Ab Samad Kechot, Zuraidah Hassan, & Yusmilayati Yunos, 2010). Kajian mendapati bahawa lawatan ke muzium telah mempengaruhi minat pelajar ke atas pembelajaran Sejarah dan tahap kemahiran pemikiran Sejarah pelajar juga meningkat (Siti Suzainah Muhamad & Abdul Razaq Ahmad, 2015). Namun kajian yang

dilakukan ke atas mahasiswa di Universitas Negeri Yogyakarta menyatakan punca mereka tidak ingin ke perpustakaan Sejarah adalah disebabkan mereka tidak meminati Sejarah dan kemudahan yang disediakan adalah kurang memuaskan (Sri Hartutik, 2012). Hal ini menunjukkan bahawa sikap merupakan elemen penting yang akan mendorong minat pelajar. Sekiranya pelajar gemar berkunjung ke tempat bersejarah minat terhadap sejarah juga mampu ditingkatkan.

Selain itu, maklumat mengenai sejarah juga boleh diperoleh melalui pencarian di internet. Kajian Johari Hassan dan Siti Norazlina Kamisan (2010) menyatakan bahawa tahap penggunaan internet dalam kalangan guru untuk pembelajaran adalah pada tahap sederhana. Penggunaan internet di tahap sederhana ini adalah disebabkan oleh mereka kurang mahir dan jarang menggunakan komputer di sekolah. Kajian juga telah dilakukan untuk mengetahui tahap penggunaan ICT dalam kalangan pelajar Politeknik Tunku Sultanah Bahiyah. Kajian telah mendapati bahawa penggunaan ICT adalah berdasarkan keperluan dan minat (Masitah Miski, Baharom Mohamad, Ahmad Esa, & Siti Norsuraya Mohd Nor, 2009). Begitu juga, kajian yang dilakukan dalam kalangan pelajar UUM yang menyatakan bahawa tahap penggunaan komputer adalah sangat rendah antara satu hingga tiga jam sehari. Keadaan ini menggambarkan bahawa komputer hanya akan digunakan apabila perlu (Zuraidah Abu Talib, 2006). Hal ini menunjukkan pelajar akan menggunakan komputer atau ICT dalam kehidupan seharian untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Sikap pelajar sebegini adalah penting dalam mendapatkan maklumat mengenai sejarah memandangkan tahap pengetahuan pelajar masih lagi sederhana. Penggunaan multimedia yang juga merupakan trenda pada masa ini akan memudahkan pelajar untuk mengakses maklumat dengan mudah dan pada bila-bila masa. Melalui penggunaan multimedia akan menggalakkan proses pembelajaran akses sendiri. Kajian telah mendapati bahawa penggunaan multimedia telah meningkatkan motivasi pelajar dalam mempelajari sejarah (Rossafri Mohamad & Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya, 2007).

Walaupun begitu, penggunaan bahan bantu mengajar lain dapat dilihat dengan penggunaan buku seperti buku teks atau buku rujukan dan buku ilmiah berkaitan pembelajaran. Kajian yang dilakukan ke atas guru-guru cemerlang Pendidikan Islam mendapati bahawa selain daripada penggunaan kertas mahjong dan komputer, mereka juga menggunakan

buku rujukan bagi tujuan pembelajaran sebagai bahan tambahan. Penggunaan buku teks pula adalah disebabkan reka bentuk kandungan buku teks yang lengkap dan padat yang akan memudahkan pengguna (Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2010). Begitu juga, kajian Shahrudin Basri Ibrahim, Chan, dan Muslimin Fadzil (2004) menekankan kaedah penggunaan buku teks yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah dapat menarik minat pelajar kerana kandungan buku teks yang padat dengan maklumat berserta peta konsep. Kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa guru-guru sejarah mempunyai pengetahuan yang sangat memuaskan dalam menggunakan buku teks sekolah (Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail, 2007). Dengan itu, dapat menunjukkan bahawa penggunaan buku adalah penting dalam mencari maklumat yang dikehendaki. Hal ini menunjukkan sikap melalui penggunaan buku dalam mendapatkan maklumat dapat meningkatkan minat terhadap sejarah. Minat terhadap sejarah akan dapat melahirkan generasi muda yang celik sejarah.

Kajian mendapati pelajar di institusi pengajian tinggi bersikap positif dan mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap isu-isu berkaitan perpaduan kaum. Pelajar sedar dan faham bahawa perpaduan penting bagi mengelakkan sebarang bentuk ancaman terhadap negara. Pelajar juga faham mengenai konsep 1Malaysia yang ingin membina perpaduan dalam masyarakat (Razli Ahmad, Hanum Hassan & Azuddin Bahari, 2013). Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai minat untuk mengetahui mengenai negara dan mengambil berat mengenai perpaduan yang perlu wujud di dalam negara bagi menjamin kelangsungan hidup yang harmoni dan aman damai. Pelajar juga mempunyai pengetahuan yang cukup jelas mengenai perpaduan negara. Keadaan ini dapat menjelaskan bahawa tahap pengetahuan, sikap dan minat mempunyai hubungan yang kuat dalam melahirkan warganegara yang cintakan tanah air.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kajian tinjauan dengan menggunakan satu set soal selidik yang meliputi demografi responden, tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah mengenai sejarah Malaysia, sikap terhadap sejarah, dan minat terhadap sejarah. Seramai 39 orang (dipilih daripada 381 orang) pelajar pascasiswazah berkerakyatan Malaysia di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Pemilihan sampel adalah berdasarkan saranan Gay (1976) dalam Noor Azlan Ahmad Zanzali dan Noraziah Kassim@Aziz (2010) iaitu saiz sampel bagi mewakili populasi adalah sebanyak sepuluh peratus

daripada saiz populasi. Responden kajian merupakan para graduan dari pelbagai institusi pengajian dalam dan luar negara sebelum melanjutkan pengajian peringkat pascasiswazah di UMK. Disiplin pengajian pelajar pascasiswazah ini juga adalah pelbagai dengan mengambilkira semua program pengajian sarjana yang ditawarkan di UMK.

Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik kerana penggunaan borang soal selidik adalah lebih efektif dan mudah untuk penyelidik menjalankan kajiannya (Mohamad Najib, 1999). Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada instrument yang digunakan oleh Siti Suzainah dan Abdul Razaq (2015). Keputusan analisis kebolehpercayaan menunjukkan nilai alfa Cronbach bagi setiap bahagian adalah tinggi iaitu Bahagian B (.606), Bahagian C (.764) dan Bahagian D (.830). Nilai korelasi Pearson ditentukan melalui program SPSS.

Bagi tujuan interpretasi tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah mengenai sejarah Malaysia, tahap sikap pelajar pascasiswazah, dan tahap minat terhadap sejarah, skor min yang diperoleh dikod semula kepada tiga tahap: rendah, sederhana, dan tinggi (Pallant, 2007).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Pengetahuan/Sikap/Minat Pelajar Pascasiswazah Terhadap Sejarah

Skor Min	Interpretasi (tahap)
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2007)

DAPATAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan Pelajar Pascasiswazah Mengenai Sejarah Malaysia

Jadual 2 menunjukkan skor min tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah mengenai sejarah Malaysia. Item ini adalah untuk melihat sejauh manakah tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah terhadap ilmu sejarah. Ilmu sejarah yang dimaksudkan di sini adalah perkara-perkara penting mengenai sejarah negara yang menjadi asas pembentukan negara yang sepatutnya

diambil cakna oleh setiap pelajar khususnya dan semua warganegara amnya. Merujuk kepada Jadual 2, skor min bagi item 'Perlembagaan Malaysia juga dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan' adalah pada tahap tinggi iaitu 4.00 manakala skor min yang paling rendah adalah 3.21 iaitu bagi item 'Malaysia adalah sebuah persekutuan yang terdiri daripada 13 buah negeri dan 2 wilayah persekutuan'. Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah mengenai sejarah Malaysia adalah pada tahap sederhana iaitu 3.52.

Jadual 2: Skor Min Tahap Pengetahuan Pelajar Pascasiswazah Mengenai Sejarah Malaysia

Item	N	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
Sejarah Malaysia bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1400M.	39	3.38	1.227	Sederhana
Penjajahan British merupakan penjajahan yang paling lama.	39	3.79	1.128	Tinggi
Jepun telah mendarat di Tanah Melayu pada tahun 1941.	39	3.59	.966	Sederhana
Bunga raya telah diisytiharkan sebagai bunga kebangsaan pada 28 Julai 1961.	39	3.41	1.093	Sederhana
Malaysia adalah sebuah persekutuan yang terdiri daripada 13 buah negeri dan 2 wilayah persekutuan.	39	3.21	1.196	Sederhana
Perlembagaan Malaysia juga dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan.	39	4.00	.973	Tinggi
Pada 11 Mei 1946 UMNO telah ditubuhkan.	39	3.26	.850	Sederhana
Min Keseluruhan		3.52	.583	Sederhana

Tahap Sikap Pelajar Pascasiswazah Terhadap Sejarah

Jadual 3 menunjukkan skor min tahap sikap pelajar pascasiswazah terhadap sejarah. Merujuk kepada Jadual 3, min item 'melawat muzium untuk mendekatkan diri dengan peristiwa sejarah' adalah pada tahap tinggi iaitu 2.82 manakala skor min yang paling rendah adalah 2.46 iaitu bagi item

‘membaca buku-buku berkaitan sejarah pada masa lapang’. Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap sikap pelajar pascasiswazah terhadap sejarah adalah pada tahap sederhana iaitu 2.62.

Jadual 3: Skor Min Tahap Sikap Pelajar Pascasiswazah Terhadap Sejarah

Item	N	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
Membaca buku-buku berkaitan sejarah pada masa lapang	39	2.46	.643	Sederhana
Mencari maklumat di internet berkaitan peristiwa sejarah	39	2.67	.772	Sederhana
Melawat muzium untuk mendekatkan diri dengan peristiwa sejarah	39	2.82	.854	Sederhana
Mudah untuk mengingati fakta-fakta sejarah berbanding perkara lain	39	2.62	.847	Sederhana
Membuat catatan berkaitan objek atau sumber yang dilihat semasa mengunjungi muzium	39	2.51	.854	Sederhana
Mengunjungi arkib dan perpustakaan untuk mencari maklumat berkaitan sejarah	39	2.67	1.199	Sederhana
Min Keseluruhan		2.62	.594	Sederhana

Tahap Minat Pelajar Pascasiswazah Terhadap Sejarah

Jadual 4 menunjukkan skor min tahap minat pelajar pascasiswazah terhadap sejarah. Merujuk kepada Jadual 4, min item ‘mencari maklumat berkaitan sejarah di internet’ adalah pada tahap tinggi iaitu 3.23 manakala skor min yang paling rendah adalah 2.62 iaitu bagi item ‘membeli buku-buku berkaitan sejarah Malaysia’. Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap minat pelajar pascasiswazah terhadap sejarah adalah pada tahap sederhana iaitu 2.95.

Jadual 4: Skor Min Tahap Minat Pelajar Pascasiswazah Terhadap Sejarah

Item	N	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
Walaupun gagal dalam subjek sejarah semasa di peringkat SPM, saya tetap suka membaca berkaitan sejarah negara.	39	3.08	1.365	Sederhana
Mencari maklumat berkaitan sejarah di internet	39	3.23	1.087	Sederhana
Melawat tempat-tempat bersejarah semasa cuti sekolah	39	3.10	.968	Sederhana
Berbual dengan rakan-rakan mengenai peristiwa sejarah memberikan keseronokan	39	2.97	1.013	Sederhana
Membeli buku-buku berkaitan sejarah Malaysia	39	2.62	.847	Sederhana
Menghabiskan masa lapang dengan membaca berkaitan sejarah	39	2.74	1.093	Sederhana
Menghabiskan masa di arkib mencari maklumat sejarah negara	39	2.90	1.273	Sederhana
Min Keseluruhan		2.95	.777	Sederhana

Hubungan antara Tahap Pengetahuan Pelajar Pascasiswazah dengan Minat terhadap Sejarah

Jadual 5 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah dengan minat mereka terhadap Sejarah ($r_{.05}(37) = 0.221, p < 0.05$). Oleh itu, H_0 gagal ditolak.

Jadual 5: Hubungan Antara Skor Tahap Pengetahuan Pelajar Pascasiswazah Dengan Minat Terhadap Sejarah

	Minat terhadap Sejarah
Skor tahap pengetahuan graduan IPT	
Korelasi Pearson	0.221*
P	.177
N	39

*Signifikan pada aras 0.05

Hubungan antara Sikap Pelajar Pascasiswazah dengan Minat terhadap Sejarah

Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana dan signifikan antara sikap pelajar pascasiswazah dengan minat terhadap Sejarah ($r_{.05}(37) = 0.666, p < 0.05$). Oleh itu, H_0 ditolak.

Jadual 6: Hubungan Antara Skor Sikap Pelajar Pascasiswazah Dengan Minat Terhadap Sejarah

	Minat terhadap Sejarah
Skor sikap pelajar pascasiswazah	
Korelasi Pearson	0.666*
p	< .0005
N	39

*Signifikan pada aras 0.05

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan Pelajar Pascasiswazah mengenai Sejarah Malaysia

Sejarah Tanah Melayu bermula sekitar tahun 1400M iaitu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka (Rasid Muhamad, 2011). Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis telah membawa Tanah Melayu ke era penjajahan. Penjajahan British adalah yang paling lama dan bertindak mencampuri urusan pentadbiran Tanah Melayu sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan. Namun setelah ramai penduduk tempatan mula mendapat pendidikan mereka bersemangat untuk menamatkan penjajahan (Abdul Rahman Ismail & Azmi Ar ifin, 2016). Tetapi pendaratan Jepun pada penghujung tahun 1941 telah menandakan satu era penjajahan lagi di Tanah Melayu (Othman Syed Omar, 2007). Kemunculan Tunku Abdul Rahman telah membawa sinar harapan ba haru yang akhirnya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Malaysia telah terdiri daripada 13 buah negeri dan 3 wilayah (Wasitah Mohd Yusof et al., 2015) yang mana Perlembagaan Persekutuan juga dikenali sebagai Perlembagaan Malaysia (Abdul Aziz Bari, 2008). Dalam kajian ini, pelajar pascasiswazah sebahagiannya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat mengenai perkara yang dinyatakan dalam soal selidik. Hal ini berkemungkinan mereka mengambil sambil lewa sahaja mengenai sejarah negara dan menyebabkan pengetahuan mereka mengenai sejarah negara masih lagi di tahap yang sederhana. Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah mengenai sejarah Malaysia adalah pada tahap sederhana. Min item bagi 'Perlembagaan Malaysia juga dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan' adalah pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan pelajar pascasiswazah mengetahui bahawa perlembagaan Malaysia juga dikenali sebagai perlembagaan Persekutuan (Nazri Muslim & Ahmad Hidayat Buang, 2012). Skor min yang paling rendah adalah bagi item 'Malaysia adalah sebuah persekutuan yang terdiri daripada 13 buah negeri dan 2 wilayah persekutuan'. Namun begitu, dapatan ini tidak menyamai keadaan sebenar kerana Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan 3 wilayah (Wasitah Mohd Yusof et al., 2015). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dalam kalangan pelajar pascasiswazah, mereka kurang mengambil cakna mengenai sejarah Malaysia.

Tahap Sikap Pelajar Pascasiswazah Terhadap Sejarah

Skor min tahap sikap pelajar pascasiswazah terhadap sejarah adalah pada tahap sederhana. Min item 'melawat muzium untuk mendekatkan diri dengan peristiwa sejarah' adalah pada tahap tinggi. Dapatan ini menyamai dengan dapatan Mohamad Johdi dan Ariegusrini (2009) yang menyatakan bahawa emosi pelajar akan menjadi tenang dan menyuburkan minat pelajar apabila berkunjung ke tempat bersejarah. Begitu juga dengan dapatan kajian Ab Samad, Zuraidah dan Yusmilayati (2010) yang menyatakan bahawa pembelajaran melalui muzium akan meninggalkan kesan yang berkekalan dalam diri pelajar. Skor min yang paling rendah adalah bagi item 'membaca buku-buku berkaitan sejarah pada masa lapang'. Dapatan ini menyokong kajian lepas bahawa guru-guru bersikap sederhana positif dalam mengumpul pelbagai sumber atau bahan sejarah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Sejarah (Zahara & Nik Azleena, 2007).

Tahap Minat Pelajar Pascasiswazah Terhadap Sejarah

Secara keseluruhannya, skor min tahap minat pelajar pascasiswazah terhadap sejarah adalah pada tahap sederhana. Min item 'mencari maklumat berkaitan sejarah di internet' adalah pada tahap tinggi. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Johari dan Siti Norazlina (2010) yang menyatakan bahawa penggunaan ICT dalam kalangan guru untuk mendapatkan maklumat mengenai pengajaran dan pembelajaran adalah sederhana disebabkan faktor tahap kemahiran penggunaan ICT yang ada dalam diri. Namun dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian Rossafri dan Wan Ahmad Jaafar (2007) yang menyatakan bahawa penggunaan multimedia telah meningkatkan minat pelajar untuk mencari fakta sejarah secara akses sendiri. Skor min yang paling rendah adalah bagi item 'membeli buku-buku berkaitan sejarah Malaysia'. Dapatan kajian ini adalah berlainan dengan dapatan kajian lepas bahawa penggupaian buku teks dan buku rujukan adalah salah satu daripada bahan utama untuk tujuan pembelajaran (Kamarul Azmi, Mohd Faez, Ab. Halim, & Mohd Izham, 2010). Namun, dapatan kajian ini menyokong kajian Shahrudin Basri, Chan, dan Muslimin (2004) yang menyatakan buku teks menjadi bahan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermaksud penggunaan buku teks adalah berada pada tahap tinggi dalam kalangan pelajar apabila mencari maklumat yang diperlukan dan kebanyakan buku teks akan dibekal oleh pihak sekolah.

Hubungan antara Tahap Pengetahuan Pelajar Pascasiswazah dengan Minat terhadap Sejarah

Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah dengan minat terhadap Sejarah. Hal ini bermaksud tahap pengetahuan pelajar pascasiswazah mengenai sejarah tidak mempengaruhi minat mereka terhadap sejarah. Kajian ini berbeza dengan kajian Nor Azlah (2006) bahawa tahap pengetahuan sedia ada yang cemerlang membantu memudahkan pelajar dalam pemahaman kursus kenegaraan semasa di institusi pengajian yang seterusnya dapat menarik minat pelajar untuk mendalami ilmu sejarah. Begitu juga kajian oleh Razli, Hanum & Azuddin (2013) yang menunjukkan bahawa pelajar di institusi pengajian tinggi mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai negara.

Hubungan antara Sikap Graduan IPT dengan Minat terhadap Sejarah

Dapatan kajian ini menunjukkan wujudnya hubungan antara sikap pelajar pascasiswazah dengan minat terhadap sejarah. Hal ini membawa maksud bahawa sikap pelajar pascasiswazah terhadap aspek berkaitan sejarah mempengaruhi minat mereka terhadap sejarah. Kajian ini juga telah menyokong dapatan kajian lepas bahawa sikap dan minat telah mempengaruhi pelajar institusi pengajian tinggi untuk menyedari dan memahami mengenai sejarah yang merangkumi perpaduan kaum di Malaysia (Razli, Hanum & Azuddin, 2013).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini hanya melibatkan 39 orang pelajar pascasiswazah sebagai responden, maka dicadangkan agar satu kajian yang lebih meluas dapat dijalankan dengan menggunakan sampel yang lebih besar dan melibatkan aspek-aspek yang lain bagi setiap pemboleh ubah untuk memberi gambaran yang lebih tepat tentang minat pelajar pascasiswazah terhadap sejarah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan minat pelajar pascasiswazah terhadap sejarah adalah di tahap sederhana. Sehubungan itu, adalah dicadangkan agar kajian juga dijalankan ke atas pelajar prasiswazah bagi mengetahui tahap minat pelajar prasiswazah terhadap sejarah. Kajian perbandingan terhadap minat ke atas sejarah antara pelajar prasiswazah dan pascasiswazah juga boleh dijadikan kajian lanjutan oleh penyelidik. Sebagai kesimpulannya, semua pihak perlulah berganding bahu untuk

meningkatkan lagi semangat cintakan negara dalam kalangan pelajar melalui minat terhadap ilmu sejarah. Hal ini kerana golongan ini merupakan generasi pelapis yang akan menerajui pentadbiran negara pada masa akan datang. Bagi memupuk nilai-nilai murni dan cintakan negara, pelbagai usaha perlu dilakukan agar sejarah dapat dijadikan pedoman dalam membangunkan dan seterusnya memajukan negara.

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot, Zuraidah Hassan dan Yusmilayati Yunos. (2010). Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal. *Jurnal Melayu*, 5, 285-293.
- Abdul Aziz bari. (2008). *Perlembagaan Malaysia: Teori dan Praktis*. Selangor: Arah Publication.
- Abdul Rahman Ismail dan Azmi Arifin. (2016). *Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: USM.
- Ahamad Rahim. (2012). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Tingkatan Dua. *Tesis Dr.Fal*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ali Seman. (2011). Keberkesanan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Berteraskan Perspektif Kepelbagaian Budaya terhadap Pembentukan Integrasi Nasional. *Tesis Dr. Fal*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Elfa Yuliana. (2008). Tahap Penggunaan Multimedia dan Komputer di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam di Kajang. *Tesis Sarjana*. Bangi: UKM.
- Johari Hassan dan Siti Norazlina Kamisan. (2010). Halangan terhadap Penggunaan Komputer dan ICT di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di kalangan Guru di Sekolah Menengah Luar Bandar di Daerah Kulai Jaya, Johor. N/A. pp. 1-10. (Unpublished).
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2010). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74.
- Karimah Mamat@Harun. (2004). Penggunaan Multimedia Menurut Persepsi Guru Tadika Kerajaan dan Swasta di Daerah Seremban, Negeri Sembilan. *Tesis Sarjana*. Bangi: UKM.

- Masitah Misdi, Baharom Mohamad, Ahmad Esa dan Siti Norsuraya Mohd Nor. (2009). Penggunaan ICT dalam kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Politeknik Tunku Sultanah Bahiyah. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi* 2009, 26-27 Oktober 2009. UTHM.
- Mohamad Johdi Salleh dan Ariegusrini Agus. (2009). Kaedah Lawatan ke Tempat Sejarah: Kepentingan dan Strategi. (dalam) Abdul Razaq Ahmad dan Isjoni (2009). Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia. hlm. 127-138.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Keempat. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nazri Muslim dan Ahmad Hidayat Buang. (2012). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 20, 115-129.
- Nazri Muslim dan Jamsari Alias. (2004). Patriotisme: Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme* (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Nor Azlah Sham Rambely. (2006). Kaitan antara Pencapaian Pelajar dalam Kursus Kenegaraan Malaysia dengan Faktor Demografi. *National Student Development Conference (NASDEC)* 2006, 8-9 August 2006. Kuala Lumpur.
- Noor Azlan Ahmad Zanzali dan Noraziah Kassim. (2010). *Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik di kalangan Guru-Guru Pelatih UTM*. Johor: UTM.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Third Edition. Allen & Unwin.
- Rasid Muhamad. (2011). *Merintis Kecemerlangan Islam*. Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.
- Razli Ahmad, Hanum Hassan dan Azuddin Bahari. (2013). Persepsi Mahasiswa terhadap Isu-isu Perpaduan: Kajian ke atas Pelajar-pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 15-24.
- Rossafri Mohamad dan Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya. (2007). Impak Bahan Multimedia ke atas Mata Pelajaran Berbentuk Naratif: Satu Kajian terhadap Mata Pelajaran Sejarah. *1st International Malaysia Educational Technology Convention*: 920-929. Pulau Pinang: USM.
- Rupawan Ahmad. (1990). Sejarah, Masyarakat dan Pendidikan. *JEBAT*, 18, 59-69.

- Saridah Hussein. (2006). Keberkesanan Penggunaan Perisian Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Lokus dalam Dua Matra terhadap Pelajar Tingkatan Dua. *Latihan Ilmiah*. Open University Malaysia.
- Shaharuddin Basri Ibrahim, Chan, L. C., dan Muslimin Fadzil. (2004). Penggunaan Buku Teks secara Berkesan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah untuk Murid Berprestasi Rendah di Peringkat Sekolah Menengah. *Bahan Sejarah 2004*, 8-14.
- Siti Suzainah Muhamad dan Abdul Razaq Ahmad. (2015). Pembelajaran Sejarah Menerusi Lawatan ke Muzium. *National Research Seminar 2015*. 9 Mei 2015. UPSI.
- Siti Zainun Mat. (1990). Kepentingan Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Sri Hartutik. (2012). Faktor Penyebab Rendahnya Minat Mahasiswa Pendidikan Sosiologi 2008 FIS UNY dalam Memanfaatkan Perpustakaan Jurusan Pendidikan Sejarah. *Latihan Ilmiah: Universitas Negeri Yogyakarta*.
- Syed Othman Syed Omar. (2007). *Pemburu Bintang Tiga*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wasitah Mohd Yusof, Ismi Ariff Ismail, Haslinda Abdullah, Russayani Ismail, Samsilah Roslan, Balan Rathakrishnan, Rizal Mohd Sham. (2015). *Indeks Belia Malaysia 2015: Mengukur Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Zahara Aziz dan Nik Azleena Nik Ismail. (2007). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada Para Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 32, 119-137.
- Zuraidah Abu Talib. (2006). Tahap Penggunaan Komputer di kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Kertas Projek*. UUM.
- Utusan Malaysia, Orang Muda Buta Sejarah. [29 Oktober 2010].